



CENTRE OF LEARNING EXCELLENCE (CLE)

IEDB EDUCATION SERVICES SDN. BHD. 202201018223 (1463920-X)

6-1, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sg. Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Nombor Telefon : +60162410277 | Email: admin@musleh.edu.my

(Anak syarikat Musleh Integrated Education Berhad, MIEB)

Ruj. Kami: CLE/600-2/(23/1/2026)

Tarikh: 23 Januari 2026 / 4 Syaaban 1447H

Yang Berusaha
Pengetua/ Guru Besar
SRI-SMI Musleh

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI KURSUS *TRAINING OF TRAINERS* (TOT) PENYELARAS PENTAKSIRAN KONSTRUK PELAJAR IKRAM MUSLEH (PKPIM) 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sektor Pembangunan & Pengurusan Kurikulum dan Pentaksiran (PPK), Centre of Learning Excellence (CLE), Musleh Integrated Education Berhad (MIEB) akan menganjurkan kursus kepada semua Pengurus/Penyelaras PKPIM sekolah tuan/puan seperti butiran berikut:

Tarikh: 11 Februari 2026
Hari: Rabu
Masa: 8.30 pagi (pendaftaran dan sarapan) – 4.30 petang
Tempat: Dewan Utama Kompleks IKRAM, Seri Kembangan

3. Sebagaimana yang tuan/puan maklum, Buku PKPIM 2026 akan diterbitkan sebagai panduan holistik untuk membina **Insan Rabbani** yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek berteraskan Tauhid. Matlamat utama pentaksiran ini adalah untuk memastikan 11 Konstruk Insan Rabbani - bermula daripada **Jasmani yang Cergas** sehingga **Rahmatan Lil 'Alamin** - dapat dihayati oleh setiap murid secara istiqamah.

4. Bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran ini berjalan dengan berkesan dan seragam di semua sekolah, pihak kami akan mengadakan kursus **Training of Trainers (TOT)** khusus untuk guru penyelaras PKPIM. Tujuan kursus ini adalah untuk:

- Melahirkan **Jurulatih Utama (JU)** yang mahir tentang falsafah, objektif, dan metodologi 11 Konstruk PKPIM.
- Memberi kefahaman mendalam mengenai kaedah **sinergi pentaksiran** yang melibatkan kolaborasi antara Murid, Ibu Bapa, dan Mentor.
- Menyelaraskan teknik pengisian skor berdasarkan Skala Kekerapan dan Skala Keyakinan agar penilaian adalah adil dan berintegriti.

5. Sehubungan dengan itu, kami berbesar hati menjemput **Guru Penyelaras PKPIM** dari sekolah tuan/puan untuk hadir ke kursus ini. Mohon berikan pelepasan kepada guru tuan/puan dan sahkan kehadiran beliau dengan mengisi borang pendaftaran di pautan ini sebelum **4 Feb 2026**:

<https://forms.gle/aMzxZVBVvp6AjHhn9>

6. Kehadiran guru penyelaras ini amat penting supaya mereka dapat menjadi pembimbing kepada guru-guru lain di sekolah tuan/puan dalam menghidupkan budaya *itqan* melalui instrumen ini. Kerjasama dan keprihatinan tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan *jazakillahu khairan kathira*. Sekian, terima kasih.

“Membina Insan Rabbani”

Yang Menjalankan Amanah,



(Dr. Kamaliah Noordin)
Pengurus Besar,
Centre of Learning Excellence (CLE)
Musleh Integrated Education Berhad (MIEB)